



**IBU PEJABAT JPS MALAYSIA**



**SURAT PEKELILING JPS BIL. 6/2015**

**PENUBUHAN CONTRACT COORDINATION PANEL (CCP) BAGI MENGURUSKAN  
ISU-ISU PERTIKAIAN KONTRAK BAGI PEROLEHAN KERJA, PERUNDING,  
BEKALAN DAN PERKHIDMATAN.**

---

**1. Tujuan**

Surat pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai penubuhan Contract Coordination Panel (CCP) bagi menguruskan isu-isu pertikaian kontrak bagi perolehan kerja, perunding, bekalan dan perkhidmatan selaras dengan surat daripada Kementerian Kewangan bil. S/K.KEW/PK/MOF/D/29 JLD. 3 SK. 7 (5) bertarikh 29 Mei 2015.

**2. Latarbelakang**

2.1 Berdasarkan pemerhatian Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara, Jabatan Audit Negara dan Kementerian Kewangan, terdapat kelemahan yang ketara di peringkat Kementerian/Agensi dalam pentadbiran kontrak masing-masing dan menjadi kelaziman isu-isu pertikaian dan pentadbiran kontrak dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk keputusan muktamad.

2.2 Sewajarnya pemantauan dan pentadbiran kontrak Kerajaan hendaklah diuruskan sendiri oleh Kementerian/Agensi masing-masing berdasarkan kepada syarat-syarat kontrak. Sehubungan itu, sejajar dengan surat daripada Kementerian Kewangan bil. S/K.KEW/PKIMOF/D/29 JLD. 3 SK. 7 (5) bertarikh 29 Mei 2015, satu Jawatankuasa iaitu **Contract Coordination Panel (CCP)** hendaklah ditubuhkan di peringkat Kementerian/Jabatan yang berperanan khusus untuk menguruskan isu-isu pertikaian dan pentadbiran kontrak di bawah seliaan kesemua Kementerian termasuklah kontrak-kontrak yang di bawah seliaan Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia.

### **3. Penubuhan Dan Bidang Kuasa CCP**

- 3.1 Fungsi dan bidang kuasa CCP yang meliputi kontrak kerja, perunding, bekalan dan perkhidmatan adalah bagi membuat keputusan muktamad berkaitan perkara-perkara berikut:
- Pertikaian dalam kontrak
  - Tuntutan kerugian dan perbelanjaan tambahan
  - Aduan bayaran lewat
- 3.2 Adalah dimaklumkan fungsi serta bidang kuasa Jawatankuasa Tuntutan sebagaimana yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan 202.2 Jadual III(e) berhubung dengan tuntutan yang dibenarkan di dalam syarat-syarat kontrak masih tidak berubah. Semua tuntutan kontraktor hendaklah dikemukakan terlebih dahulu kepada Jawatankuasa Tuntutan mengikut peraturan semasa untuk pertimbangan dan keputusan.
- 3.3 Sekiranya kontraktor tidak berpuas hati atau membuat rayuan ke atas keputusan Jawatankuasa Tuntutan, maka Pegawai Penguasa/Pengarah Projek (P.P.) hendaklah menyediakan laporan dan pengesyoran untuk pertimbangan dan keputusan muktamad oleh CCP. Tuntutan yang telah ditolak/diputuskan oleh Jawatankuasa Tuntutan dan kemudian dikemukakan kepada CCP untuk keputusan muktamad hendaklah mempunyai asas/alasan baru beserta bukti-bukti tambahan/terkini untuk pertimbangan semula CCP.

- 3.4 Laporan penilaian dan perakuan kepada Jawatankuasa CCP antara lain hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut:
- i. Butir-butir kontrak:
    - a) Tajuk, nombor dan harga kontrak;
    - b) Nama dan alamat kontraktor;
    - c) Tarikh milik tapak;
    - d) Tarikh siap dalam kontrak;
    - e) Lanjutan masa yang diberi dan sebab-sebabnya (sekiranya ada);
    - f) Tarikh siap dilanjutkan;
    - g) Tarikh siap sebenar; dan
    - h) Maklumat-maklumat lain yang berkaitan.
  - ii. Sinopsis peristiwa yang menyebabkan tuntutan dibuat oleh kontraktor/perunding.
  - iii. Asas/alasan baru tuntutan kontraktor/perunding
  - iv. Butiran-butiran perkara yang dituntut dan nilainya.
  - v. Penilaian oleh Pegawai Penguasa/Pengarah Projek/Wakil Kerajaan beserta dengan asas perkiraan dan justifikasi sama ada wajar atau tidak permohonan kontraktor/tuntutan perunding dipertimbangkan.
  - vi. Perakuan Pegawai Penguasa/Pengarah Projek/Wakil Kerajaan dengan menggunakan Format Kertas Perakuan kepada Jawatankuasa CCP seperti di **Lampiran I**.
- 3.5 Sebarang ketidakpuasan hati oleh kontraktor/syarikat ke atas keputusan muktamad CCP hendaklah seterusnya dibawa ke mana-mana proses perundangan atau timbang tara selaras dengan peruntukan kontrak dan bukannya ke Kementerian Kewangan.
- 3.6 Carta Aliran pengurusan tuntutan yang melibatkan isu-isu pertikaian kontrak adalah seperti di **Lampiran II**.
- 3.7 Keanggotaan dan bidangkuasa Jawatankuasa CCP JPS adalah sebagaimana di **Lampiran III**.

3.8 Keanggotaan dan bidangkuasa Jawatankuasa Tuntutan JPS adalah sebagaimana di **Lampiran IV**.

#### **4. Permohonan Ke Kementerian Kewangan**

4.1 Permohonan yang boleh dibawa ke Kementerian Kewangan untuk pertimbangan adalah yang melibatkan isu-isu berikut sahaja:

- a) Rayuan berkaitan dengan pengecualian/pengurangan Gantirugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD);
- b) *Ex-gratia*;
- c) *Quantum Meruit*; dan
- d) *Abortive Fee* Perunding bagi yang tiada Surat Setuju Terima

4.2 Namun demikian, sebelum permohonan bagi perkara-perkara tersebut di atas diangkat ke Kementerian Kewangan untuk pertimbangan, rujukan perlulah dibuat kepada CCP terlebih dahulu untuk memperakukan permohonan yang berkenaan kepada Kementerian Kewangan.

4.3 Sehubungan itu, P.P./Wakil Kerajaan perlulah menyediakan laporan penilaian dan perakuan untuk dikemukakan kepada CCP.

- a) Rayuan berkaitan dengan pengecualian/pengurangan Gantirugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD).

Laporan penilaian dan perakuan antara lain hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut:

- i. Butir-Butir kontrak;
- ii. Tarikh Siap Asal Kontrak beserta lanjutan-lanjutan masa (jika ada);
- iii. Tarikh Perakuan Kerja Tidak Siap;
- iv. Kadar LAD yang ditetapkan dalam kontrak;
- v. Jumlah LAD yang dikenakan;
- vi. Asas permohonan kontraktor;

- vii. Kesungguhan kontraktor menyiapkan kerja dengan mengambil kira kadar kemajuan bagi menyiapkan baki kerja;
- viii. Mutu pembinaan selepas projek diperakui siap;
- ix. Kesungguhan membaiki kecacatan dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan;
- x. Perkara-perkara lain yang difikirkan wajar; dan
- xi. Perakuan P.P./Wakil Kerajaan berserta dengan justifikasi sama ada wajar atau tidak permohonan kontraktor dipertimbangkan.

b) Ex-Gratia

Permohonan *ex-gratia* merupakan bayaran yang boleh dipertimbangkan meskipun ia merupakan tuntutan yang tidak mematuhi syarat-syarat kontrak dengan syarat terbukti kontraktor menanggung kerugian dan perbelanjaan tambahan yang disebabkan oleh kemungkiran Kerajaan.

Bayaran *ex-gratia* yang boleh dipertimbangkan adalah di mana kontraktor telah gagal mematuhi prosedur tuntutan seperti memberi notis hasrat menuntut atau gagal mengemukakan tuntutan terperinci berserta dengan bukti-bukti bagi menyokong tuntutannya dalam tempoh yang ditetapkan di dalam syarat-syarat kontrak. Meskipun demikian, adalah didapati bahawa sememangnya Kerajaan telah memungkiri kontrak dan kontraktor terbukti menanggung kerugian dan perbelanjaan tambahan.

Dalam hal ini adalah wajar rujukan dibuat kepada Jawatankuasa Tuntutan terlebih dahulu untuk mendapatkan keputusan. Sekiranya Jawatankuasa Tuntutan menolak tuntutan kontraktor atas dasar tidak mematuhi prosedur yang ditetapkan di bawah kontrak dan sekiranya kontraktor mempertikaikan/merayu ke atas keputusan tersebut, maka P.P. bolehlah memperakulkan bayaran *ex-gratia* kepada CCP sebelum dikemukakan kepada Kementerian Kewangan, dengan syarat kontraktor telah terlebih dahulu membuktikan kerugian yang dialaminya.

c) *Quantum Meruit*

Dalam keadaan di mana dengan ketiadaan ikatan kontrak dengan Kerajaan kontraktor/pembekal/syarikat telah menjalankan kerja atau perkhidmatan di atas arahan Kerajaan dan Kerajaan telahpun mendapat manfaat sebagaimana wajarnya, maka tuntutan di bawah perkara ini bolehlah dipertimbangkan. Dalam hal ini kontraktor/pembekal/syarikat bolehlah memohon daripada Kerajaan untuk mendapat bayaran setakat mana kerja atau bekalan atau perkhidmatan telah dilaksanakan.

P.P./Wakil Kerajaan perlulah menilai kerja yang telah disiapkan atau barang yang telah dibekalkan dan telah diambil milik oleh Kerajaan. Satu laporan penilaian dan perakuan hendaklah disediakan oleh P.P./Wakil Kerajaan bagi tuntutan kontraktor/pembekal syarikat yang antara lainnya mengandungi perkara-perkara berikut:

- i. Asas tuntutan kontraktor/pembekal/syarikat;
- ii. Tahap kerja yang telah disiapkan atau barang yang telah dibekalkan dan telah diambil milik oleh Kerajaan atau perkhidmatan yang telah diberikan berserta dengan tarikh-tarikh yang berkaitan;
- iii. Surat-menurut atau bukti lain yang berkaitan;
- iv. Perkara-perkara lain yang difikirkan wajar; dan
- v. Penilaian dan perakuan P.P./Wakil Kerajaan berserta dengan asas perkiraan dan justifikasi sama ada wajar tuntutan kontraktor pembekal/syarikat dipertimbangkan.

d) *Abortive Fee Perunding Yang Tiada Surat Setuju Terima*

Dalam keadaan di mana Perunding telah diarah untuk menjalankan perkhidmatan rundingannya dengan ketiadaan ikatan kontrak dengan Kerajaan, Wakil Kerajaan perlulah menilai sama ada perkhidmatan rundingan yang telah diberikan adalah teratur dan memberi manfaat kepada Kerajaan.

Satu laporan penilaian dan perakuan hendaklah disediakan oleh Wakil Kerajaan bagi tuntutan perunding yang antara lainnya mengandungi perkara-perkara berikut:

- i. Asas tuntutan perunding;
- ii. Tahap perkhidmatan rundingan yang telah disediakan di mana lukisan-lukisan berserta dengan perkiraan kejuruteraan *dan/atau* senarai kuantiti telah dibekalkan dan telah diambil milik oleh Kerajaan berserta dengan tarikh-tarikh yang berkaitan. Dalam hal ini perunding perlulah bersedia untuk memindah milik hak cipta perkara tersebut kepada Kerajaan sebelum bayaran dibuat;
- iii. Perkara-perkara lain yang difikirkan wajar; dan
- iv. Penilaian dan perakuan Wakil Kerajaan berserta dengan asas perkiraan dan justifikasi sama ada wajar tuntutan perunding dipertimbangkan.

## **5. *Abortive Fee* Perunding Di Mana Surat Setuju Terima/Kontrak Formal Telah Ditandatangani**

Bagi *abortive fees* yang dituntut oleh perunding di mana Surat Setuju Terima/Kontrak Formal telah ditandatangani, tuntutan hendaklah disemak dan diperakuan oleh Jawatankuasa Penilaian Perunding (JPP) sebelum dikemukakan kepada Lembaga Perolehan 'A' untuk keputusan.

## **6. Laporan Penilaian, Perakuan P.P dan Keputusan Jawatankuasa**

- 6.1 Semua laporan penilaian serta pengesyoran P.P./Wakil Kerajaan berhubung dengan pertikaian kontrak atau tuntutan kerugian dan perbelanjaan tambahan atau aduan bayaran lewat atau isu-isu pertikaian untuk pertimbangan Kementerian Kewangan hendaklah dikemukakan kepada Urusetia CCP di Bahagian Ukur Bahan Dan Pengurusan Kontrak (BUBPK), Ibu Pejabat JPS sebanyak tujuh (7) salinan.

- 6.2 Perlu diingatkan bahawa Laporan Penilaian dan Perakuan P.P./Wakil Kerajaan, keputusan Jawatankuasa Tuntutan dan CCP serta minit-minit mesyuarat hendaklah diklasifikasikan sebagai '**SULIT**' dan tidak boleh disebarluaskan kepada mana-mana pihak yang tidak berkaitan. Meskipun demikian P.P./Wakil Kerajaan boleh memaklumkan kepada kontraktor/ perunding/ pembekal keputusan Kerajaan beserta dengan alasan-alasannya.
- 6.3 Semua perakuan CCP kepada Kementerian Kewangan berhubung dengan rayuan LAD, bayaran *ex-gratia*, *quantum meruit* dan *abortive fee* perunding yang tiada Surat Setuju Terima beserta dengan minit mesyuarat hendaklah juga diklasifikasikan sebagai '**SULIT**' dan tidak boleh disebarluaskan kepada mana-mana pihak yang tidak berkaitan. Keputusan Kementerian Kewangan yang berkenaan boleh dimaklumkan kepada kontraktor/perunding/pembekal secara bertulis tanpa mengemukakan salinan keputusan Kementerian Kewangan tersebut.

## 7. Kuat Kuasa


Surat Arahan ini berkuat kuasa dengan serta-merta.

Sekian, terima kasih .

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"Warga Berintegriti, Organisasi Berkualiti"**

Saya yang menurut perintah,



**( DATO' Ir. ZAINOR RAHIM BIN IBRAHIM)**

Ketua Pengarah,

Jabatan Pengairan Dan Saliran

Malaysia.


Tarikh: **5** Oktober 2015

**KERTAS PERAKUAN KEPADA  
JAWATANKUASA CONTRACT COORDINATION PANEL (CCP)  
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA**

**BIL:****TARIKH:**

<b>NAMA PROJEK</b>			
<b>NO.KONTRAK</b>			
<b>PERKARA:-</b>			
<b>A. Permohonan Untuk Pertimbangan Dan Keputusan JK CCP</b>		<b>Tandakan (X)</b>	<b>Catatan</b>
a. Pertikaian Di Dalam Kontrak			
b. Rayuan / Pertikaian Keputusan Jawatankuasa Tuntutan Bagi Tuntutan Kerugian Dan Perbelanjaan Tambahan			
c. Aduan Bayaran Lewat			
<b>B. Permohonan Perakuan JK CCP Untuk Dibawa Ke Kementerian Kewangan Malaysia Untuk Pertimbangan.</b>		<b>Tandakan (X)</b>	<b>Catatan</b>
a. Rayuan LAD			
b. <i>Ex-Gratia</i>			
c. <i>Quantum Meruit</i>			
d. <i>Abortive Fee</i> Perunding bagi yang tiada Surat Setuju Terima			
<b>Jumlah Tuntutan</b>			
Pengesyoran P.P./Bahagian			
Tandatangan P.P/Bahagian	<p>.....</p> <p>Nama: Jawatan:</p>		

**CARTA ALIRAN PROSES TUNTUTAN YANG MELIBATKAN ISU-ISU PERTIKAIAN KONTRAK BAGI PEROLEHAN KERJA, PERUNDING, BEKALAN DAN PERKHIDMATAN**



**Lampiran III**

**Jawatankuasa Contract Coordination Panel (CCP) JPS**

BIDANGKUASA	KEANGGOTAAN	URUSETIA
<p><b>A. Memutuskan :</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Pertikaian dalam kontrak termasuk Aduan Bayaran Lewat.</li> <li>ii) Rayuan/Pertikaian Keputusan JK Tuntutan bagi Tuntutan Kerugian dan Perbelanjaan Tambahan.</li> </ul> <p><b>B. Memperaku kepada Kementerian Kewangan Malaysia bagi:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Rayuan LAD</li> <li>ii) <i>Ex-gratia</i></li> <li>iii) <i>Quantum meruit</i></li> <li>iv) <i>Abortive fee</i> perunding yang tiada Surat Setuju Terima</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Ketua Pengarah JPS <b>(Pengerusi)</b></li> <li>2. Timbalan Ketua Pengarah / Pengarah Kanan <b>(Pegawai Teknikal)</b></li> <li>3. Penasihat Undang-undang NRE (Gred L48 ke atas) <b>(Pegawai Undang-undang)</b></li> <li>4. Pengarah / Timbalan Pengarah / Ketua Penolong Pengarah Kanan (KPPK), Bahagian Ukur Bahan Dan Pengurusan Kontrak (BUBPK) <b>(Pegawai Perolehan)</b></li> <li>5. Pengarah / Pegawai Tadbir Dan Diplomatik (Gred M48 ke atas), Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) <b>(Pegawai Kewangan)</b></li> <li>6. Pengarah / Ketua Penolong Pengarah Kanan (KPPK) / Ketua Penolong Pengarah (KPP) (Gred J48 ke atas) Bahagian Korporat (BKor) <b>(Pegawai Pembangunan)</b></li> </ol> <p># <u>Ahli Jemputan</u> (sekiranya perlu)</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Wakil Pemilik Projek Pelanggan</li> <li>2. Kontraktor/Perunding Pembekal Syarikat</li> </ol> <p><u>Korum</u></p> <p>3 orang termasuk Pengerusi. Kehadiran Penasihat Undang-Undang dan pegawai teknikal adalah diwajibkan.</p>	<p><b>Pembentang</b> Pegawai Penguasa / Pengarah Projek / Wakil P.P./ Wakil Kerajaan</p> <p><b>Urusetia</b> Bahagian Ukur Bahan Dan Pengurusan Kontrak (BUBPK)</p>

# Ahli-ahli Jemputan hendaklah tidak berada di dalam mesyuarat semasa keputusan dibuat. Mesyuarat tidak dibenarkan untuk memaklumkan kepada kontraktor/perunding/pembekal mengenai sebarang komitmen / keputusan / hasrat tindakan yang akan diambil.

**Jawatankuasa Tuntutan JPS**

<b>BIDANGKUASA</b>	<b>KEANGGOTAAN</b>	<b>URUSETIA</b>
Mempertimbangkan dan Meluluskan Tuntutan Kontrak sebagaimana Yang Dibenarkan Di Dalam Syarat- syarat Kontrak.	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Ketua Pengarah JPS (Pengerusi)</li><li>2. Penasihat Undang - Undang JPS</li><li>3. Pengarah / Timbalan Pengarah / Ketua Penolong Pengarah Kanan (KPPK), Bahagian Ukur Bahan Dan Pengurusan Kontrak (BUBPK)</li><li>4. Pengarah Bahagian jika tidak menjadi Pegawai Penguin/ Pengarah Projek. <b>Atau</b> Pengarah Bahagian lain sekiranya projek Bahagian tersebut akan dibentangkan.</li></ol>	<p><b>Pembentang</b> Pegawai Penguin / Pengarah Projek / Wakil P.P.</p> <p><b>Urusetia</b> Bahagian Ukur Bahan Dan Pengurusan Kontrak (BUBPK)</p>